

KENYATAAN MEDIA**SWM KASIH SWM KASIH CERIAKAN AIDILFITRI ANAK-ANAK YATIM DAN KELAINAN UPAYA.**

SEREMBAN, 24 JUN 2019 - SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) hari ini meraikan Aidilfitri bersama anak-anak daripada Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Kausar, anak-anak yatim dan kelainan upaya Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, pemegang taruh dan juga pengamal media.

“Program SWM Kasih Senyum Syawal merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial syarikat tahunan yang telah memasuki tahun ke-empat penganjurannya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif, SWM Environment Sdn Bhd, Encik Ho De Leong.

Kata beliau lagi, pada tahun ini pihak syarikat memperluaskan lagi senarai penerima dengan memilih Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan untuk menerima sumbangan daripada SWM Kasih. Antara kriteria penerima daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat ialah berstatus anak yatim atau piatu, kelainan upaya atau mengalami masalah kesihatan.

Pada Ramadan yang lalu, SWM Kasih telah pun memberikan sumbangan kepada balu dan anak-anak daripada Ibu Pejabat Polis Seremban dan kini meneruskannya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan.

Seramai 26 orang anak-anak yatim dan kelainan upaya daripada Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Kausar Negeri Sembilan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan menerima sumbangan berupa duit raya dan juga produk minuman daripada Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn Bhd.

Pihak syarikat turut menyumbangkan cek, barangan harian dan produk minuman Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn Bhd kepada Pusat Jagaan Anak Yatim dan Miskin Kausar Negeri Sembilan.

Selain itu, pihak syarikat turut meraikan kedatangan Syawal bersama-sama pemegang taruh yang telah banyak membantu pihak syarikat dalam memastikan kelancaran perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan.



Encik Ho De Leong berharap dengan adanya majlis seperti ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim di antara SWM Environment, pemegang taruh dan komuniti setempat.

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472**.

TAMAT.

'PERKHIDMATAN BERKUALITI KEUTAMAAN KAMI'

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di wilayah selatan. Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM Environment menyediakan perkhidmatan kepada 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan tenaga kerja seramai 12,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman sesawang www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan perkhidmatan syarikat SWM Environment.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat,
SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)

(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168

(Faks) 06 – 601 4279